

**AMANAH DALAM KERJAYA ASAS
KUALITI KERJA DARI RUMAH****AFIZAN BIN AMER****FAKULTI PENGURUSAN DAN
PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS
REMBAU**

Sikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pekerja adalah nadi utama ke arah keberhasilan kualiti kerja yang dilakukan. Dalam konteks kerjaya, amanah membawa maksud tanggungjawab untuk melakukan sesuatu tugas dengan terbaik, menggunakan sepenuhnya keupayaan, potensi diri dan kepakaran yang dimiliki dalam memastikan sesuatu tugas dilaksanakan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan.

Tidak dapat dinafikan lagi dalam pembangunan kerjaya sifat amanah ini harus dimiliki oleh setiap individu baik daripada jawatan yang paling tinggi sehingga jawatan yang paling rendah di dalam sesebuah organisasi. Jika ia di jadikan sebagai teras oleh setiap individu itu pasti kita dapat menyumbang kepada penghasilan kerja yang berkualiti di samping dapat melaksanakan tugas di tahap kualiti terbaik.

Kebanyakan kejayaan organisasi-organisasi besar telah membuktikan kejayaan mereka ini adalah berteraskan sifat amanah yang ada pada ahli-ahli organisasinya. Oleh itu, sebagai tenaga kerja yang produktif, kita perlu memiliki sifat amanah dan tanggungjawab dan jangan sesekali melakukan perkara yang

melanggar batas-batas amanah yang diberikan.

Sifat amanah yang sepatutnya dijadikan pegangan dalam diri 1.4 juta orang pekerja yang berkhidmat di sektor awam di negara ini menjanjikan perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat di negara ini.

Pekerja yang menzahirkan sifat amanah dalam pada mengejar budaya kerja cemerlang merupakan para pekerja yang berkualiti di mana mereka memiliki ciri-ciri positif seperti rajin berusaha, tekun, berdisiplin, sabar dan bertanggungjawab dengan segala tugas yang dipikul. Tenaga kerja dari kelompok ini tidak melihat tugas-tugas tersebut sebagai satu bebanan kerana mereka sedar yang punca rezeki adalah daripada hasil kerja yang kita cari.

Sebenarnya kejujuran dan keikhlasan dalam melakukan kerja ini adalah sangat dituntut oleh agama. Hal ini penting untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam pencarian rezeki yang halal untuk diri dan keluarga. Agama Islam sebagai contoh tidak hanya memberi tumpuan kepada sembahyang, berzikir dan bertasbih sahaja, tetapi digalakkan juga umat Islam untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh, dengan hati yang ikhlas dan niat yang betul di mana semua pekerjaan baik yang dilakukan dengan hati yang ikhlas dan tidak bercanggah dengan pandangan alam, ia adalah satu tuntutan dan dikira sebagai satu ibadah.

Justeru, untuk mengejar budaya kerja Amanah di mata majikan, rakan sejawat dan yang penting di sisi Allah S.W.T, faham kejujuran dan keikhlasan haruslah di jadikan amalan utama. Akhlak dan nilai-nilai baik perlulah ditanam dan diterapkan di kalangan pekerja bagi menjamin mutu kerja yang lebih berkesan. Para majikan pula perlu menjadikan kakitangannya

sebagai aset yang sangat bernilai dalam memastikan matlamat organisasi tercapai.

Sebagai imbal balasnya majikan juga mempunyai hak memberi ganjaran, latihan dan kursus kepada pekerjanya demi memantapkan mutu kerja kakitangannya. Janganlah lupa tentang pengorbanan yang dilakukan oleh para pekerja sesebuah organisasi tersebut.

Sifat amanah dalam diri pekerja juga dapat menghakis masalah berpura-pura segelintir pekerja, di mana ada juga sesetengah pekerja yang bertungkus-lumus menjalankan kerja semasa berada di hadapan ketua, dan ada juga pekerja yang dianggap pengampu dalam meniti perjalanan kerjaya mereka. Kesemua sifat inilah yang menjadi pendorong kepada terjejasnya mutu kerja yang cemerlang.

Kecemerlang pencapaian di tempat kerja perlu sentiasa di pertingkatkan dengan cara melakukan kerja bersungguh-sungguh dan pekerja juga perlu memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan dan sebagainya. Masalah-masalah seperti membuang masa, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan, tidak menyimpan rahsia, pecah amanah, melakukan rasuah dan sebagainya perlulah dielakkan. Ini semua melambangkan sikap pekerja yang tidak berakhlak dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Tenaga kerja dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil ini perlu bangkit dalam memperkasakan kecemerlangan dan meningkatkan budaya kerja amanah. Sehubungan itu, bagi meningkatkan mutu kerja kita, kita disarankan supaya sentiasa memperbaiki dan belajar semula daripada kesilapan kerja-kerja lepas.

Namun, keseimbangan bekerja dan beribadat perlulah seiring dalam melahirkan tenaga kerja yang amanah dan hasil kerja yang bermutu. Tidak ada jalan lain, untuk memantapkan budaya kerja cemerlang ini. Semuanya bermula daripada diri seseorang pekerja itu sendiri. Sesungguhnya budaya kerja cemerlang ini merupakan tuntutan di kalangan tenaga kerja baik dari sektor perkhidmatan awam mahu pun swasta sebagai satu cabaran menjelang dekad 2020.